

Pembangking sambut baik syor

UM-10/1/2007
KUALA LUMPUR 9 Jan. - Parti-parti pembangkang hari ini menyambut baik cadangan merombak struktur Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi menjadikan ia lebih telus dan adil kepada semua parti politik dan rakyat.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, langkah itu perlu dibuat bagi membolehkan kepingangan dalam proses demokrasi di negara ini diatasi.

Beliau menyifatkan proses pilihan raya yang berjalan di Malaysia selama ini suatu proses yang pelik berbanding negara-negara lain.

Nik Abdul Aziz memberi contoh penggunaan pelbagai jentera kerajaan melalui pelbagai cara dan pendekatan bagi membantu parti pemerintah dalam pilihan raya.

"Sebab itu undang-undang pilihan raya dan SPR perlu dirombak kerana undang-undang yang ada sekarang bukan sahaja pelik tetapi juga salah dari segi demokrasi serta berdosa di sisi Islam," katanya.

Nik Aziz berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Kerjasama Program Takaful Ar-malah antara kerajaan negeri Kelantan dengan Takaful Malaysia di sini, hari ini.

Ditanya apakah perlu Ab. Rashid ditukar memandangkan banyak kecaman dihalakan pembangkang terutama Pas terhadap Pengerusi SPR itu, Nik Abdul Aziz berkata:

"Itu tidak perlu. Dalam Islam yang hendak diubah bukan orang tetapi dasar SPR itu sendiri. Kalau ubah orang tetapi dasar tidak diubah, tidak ke mana juga."

Timbalan Pengerusi DAP, Dr. Tan Seng Giaw pula berkata, rombakan itu penting bagi memperbaiki kelemahan yang ada khususnya undang-undang serta peraturan yang telah berusia 50 tahun.

Seng Giaw berkata, sekiranya cadangan itu diterima, pandangan dari semua pihak terutama yang terlibat dengan politik perlu diam-bil kira.

Dalam pada itu Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) turut mengalu-alukan cadangan yang disifatkan sebagai agenda utama parti.

Naib Presiden Keadilan, Azmin Ali berkata, parti itu pernah mengeluarkan satu laporan komprehensif bagi mendesak reformasi pilihan raya secara total.

"Kita lega, namun apa yang disebut oleh Pengerusi SPR itu bukan baru malah telah lama didesak Keadilan," katanya.